

Saya belum ada inspirasi – Abdullah

Um - 8/2/2006

PUTRAJAYA 7 Feb. – Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi masih berteka-teki mengenai rombakan Kabinet apabila menyatakan beliau masih belum mempunyai inspirasi untuk mengumumkan perkara itu.

Sebaliknya Perdana Menteri berkata, beliau sekarang amat sibuk membuat persediaan bagi pembentangan Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9) yang dijadual dibawa ke Parlimen pada 31 Mac ini.

“Aspirasi itu ada tetapi inspirasi belum ada lagi...cukuplah tu,” katanya pada sidang akhbar selepas menghadiri majlis perhimpunan bulanan Kementerian Keselamatan Dalam Negeri (KKDN), di sini hari ini.

Desas-desus mengenai rombakan Ka-

binet tercetus bulan lalu apabila ramai pihak menyatakan sudah tiba masanya Abdullah melakukan sedikit perubahan pada barisan Kabinetnya setelah genap dua tahun memegang tampuk pemerintahan negara.

Ditanya mengenai langkah Singapura meletakkan dua syarat iaitu menjual pasir dan membuka ruang udara untuk latihan jet pejuang bagi merealisasikan pembinaan jambatan penuh, Perdana Menteri berkata, perkara tersebut sedang dirundingkan dengan republik itu.

“Rundingan kita dengan Singapura belum selesai dan keseluruhannya diuruskan oleh Kementerian Luar. Biarlah Wisma Putra berunding dengan Singapura,” katanya.

Kepada soalan lain, Perdana Menteri berkata, kerajaan akan memastikan dasar melanjutkan perkhidmatan pegawai yang sudah bersara tidak diamalkan di semua jabatan.

Sebaliknya beliau berkata, sebarang keputusan untuk melanjutkan kontrak seseorang pegawai dibuat berasaskan sebab-sebab tertentu dan pertimbangan ketua jabatan serta menepati kriteria yang ditetapkan.

“Bilangan (yang dilanjutkan kontrak) akan dikurangkan tetapi apabila ramai bersara, ini adalah satu masalah yang perlu diberi perhatian, siapa yang dapat disambung, siapa kena bersara,” katanya.

Abdullah berkata, perkara tersebut amat sukar untuk diputuskan kerana ada

kalanya ia tidak popular kepada orang tertentu tetapi ada ketikanya dapat diterima.

“Yang penting dia dapat memberikan khidmat dari segi kekuatan mental dan tenaga, tidak ada masalah dengan isu rasuah atau perkara-perkara lain,” katanya.

Semalam akhbar melaporkan perubahan besar dijangka berlaku dalam penguasaan tertinggi pasukan Polis Diraja Malaysia (PDRM) apabila sebahagian besar pegawainya tidak termasuk Timbalan Ketua Polis Negara, Datuk Seri Musa Hassan akan bersara tahun ini.

Keadaan itu menyebabkan ada kemungkinan kerajaan memperbaharui atau menawarkan pelanjutan kontrak perkhidmatan kepada beberapa pegawai tertinggi PDRM.